

**Keperluan Penyeragaman Gaya Penulisan Takhrij Bagi Penulisan Ilmiah:  
Satu Cadangan**  
*The Need for Standardization of Style of Writing Takhrij al-Hadith for Academic: A  
Suggestion*

**A. Irwan Santeri Doll Kawaid<sup>1</sup>, Zulhimi Mohamed Nor<sup>2</sup>, Amiruddin Mohd Sobali<sup>3</sup>, Mohd  
Zohdi Mohd Amin<sup>4</sup>.**

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia  
(a.irwan@usim.edu.my)

**Abstrak**

Takhrij hadis adalah pernyataan sumber asal bagi hadis daripada sumber-sumber utama Islam. Objektifnya ialah untuk memelihara hadis Nabi SAW daripada dimanipulasi serta menjelaskan perkara lain yang berkaitan dengan hadis tersebut. Pernyataan takhrij telah menjadi budaya pada penulisan hari ini. Kebanyakan penulisan, terutamanya penulisan ilmiah, menyaratkan agar setiap hadis yang dibawakan dalam penulisan itu perlu dikemukakan takhrijnya. Namun, meskipun begitu, kebanyakan takhrij yang dikemukakan didapati tidak mempunyai keseragaman dari sudut gaya penulisan. Ketidakeragaman tersebut berpunca daripada ketiadaan garis panduan yang jelas dalam menentukan gaya tertentu. Artikel ini bertujuan membincangkan ketidakeragaman tersebut serta mencadangkan beberapa gaya agar diaplikasikan dalam penulisan ilmiah.

**Kata kunci:** takhrij, seragam, gaya, penulisan ilmiah.

**Abstract**

*Takhrij has been defined as disclosing the original source of ahadith from the major books of Islam and revealing its status if it needed. The main purpose of it is to preserve the hadith of the Prophet SAW from being falsified as well as to rectified the facts related to it. Proper writing of takhrij hadith has become a common requirement stressed by many parties. Many writings, especially scientific, have required that each hadith that been exposed must disclose its takhrij properly. Although it has been stressed, many inconsistency styles of writing found in the documentation of takhrij. The inconsistencies have confused some reader to the exact meaning of the documentation. The absence of a proper guide to the way of writing of takhrij is been found one of the reason of the inconsistencies. This article aims to discuss the inconsistencies and proposes a few suggestions of the style of documentation of takhrij to be applied in scientific writing..*

**Keywords:** takhrij, style, standardization. academic writing, hadith.

**Pendahuluan:**

Takhrij didefinisikan sebagai pernyataan sumber asal sesuatu hadis daripada sumber-sumber utama Islam serta pernyataan status atau kedudukannya ketika diperlukan.<sup>1</sup> Ia terkadang ditambah dengan perbincangan tentang perbezaan yang terdapat dalam sesuatu hadis dengan hadis yang lain sama ada dari sudut perawi yang meriwayatkan, cara periwayatan serta lafaz-lafaznya. Tambahan perbincangan ini

ialah bagi memberi gambaran yang lebih luas terhadap keadaan sesuatu hadis itu.

Takhrij hadis mempunyai pelbagai fungsi dan tujuan. Antara fungsinya ialah, sebagai mana yang disebutkan tadi, bagi menyatakan sumber asal atau sumber-sumber sesuatu hadis itu serta serta mendapatkan gambaran yang lebih luas terhadap keadaan sesuatu hadis, sama ada dari sudut perawi, cara periwayatan serta lafaznya. Tujuan utamanya ialah memerliha hadis Nabi SAW daripada

<sup>1</sup> Al-Tahhan, Mahmud. "Usul al-Takhrij wa Dirasah al-Asanid." Beirut: Dar al-Qur'an al-Karim (1978). hlm 12, Najm

Abdulrahman Khalaf dan Sajedah Hilmi Samarah, "al-Wajiz fi 'Ilm al-Takhrij." Bangi: Darul Syakir Enterprise, 2014. hlm. 21.

dipalsukan atau direka dan membetulkan fakta berkaitan sesuatu hadis.<sup>2</sup>

### Perubahan Gaya Takhrij

Gaya penulisan takhrij sering berubah mengikut keperluan keadaan dan zaman. Pada zaman awal Islam sehingga sebelum zaman moden, para ulama secara umumnya ketika membawakan satu dalil hadis dalam penulisan mereka, mereka sekadar menyatakan beberapa sumber dalil tersebut tanpa menyatakan maklumatnya secara terperinci. Contohnya tidak menyatakan asal bab hadis tersebut, nombor jilid, nombor muka surat dan sebagainya.

Penyataan ringkas pada masa itu sudah memadai kerana mereka sememangnya arif secara mendalam tentang sumber-sumber ambilan mereka. Para pembaca juga tidak meragui kemampuan mereka serta kebenaran maklumat yang diberikan.

Tetapi apabila zaman telah berubah, cara tersebut turut berubah. Ini kerana cara pengajian Islam di zaman ini telah berubah di mana ramai orang yang terlibat dalam bidang keilmuan Islam tidak lagi berpeluang mendalami kitab-kitab hadis atau tidak mempunyai pengetahuan asas terhadap cara berinteraksi dengan kitab-kitab tersebut. Malah oleh kerana sumber hadis itu banyak, jika terdapat satu-satu hadis diambil daripada mana-mana sumber yang kurang popular, sukar bagi seorang pembaca mengetahui sumbernya secara jelas. Begitu juga dengan statusnya jika tiada maklumat lengkap berkaitan hadis yang dinyatakan. Kekurangan maklumat ini, bukan sahaja boleh menyebabkan gambaran terhadap hadis itu kurang jelas, malah penipuan terhadap hadis boleh berlaku selain boleh menyebabkan ilmu Islam akan kurang berkembang.

Antara perubahan yang berlaku dalam gaya penulisan di zaman ini ialah cara pendokumentasian maklumat. Di zaman ini, kebanyakan maklumat sumber rujukan sesuatu penulisan dinyatakan butirannya dengan lengkap dan terperinci iaitu dengan menyatakan nama penulis, nama buku, nama penerbit, nombor muka surat dan sebagainya. Penyataan maklumat lengkap ini bagi mengelakkan berlakunya penipuan serta plagiat. Ia juga dapat membantu memudahkan penyebaran ilmu serta menyalurkan maklumat bagi keperluan data maya.

Lantaran perubahan tersebut, takhrij hadis turut tidak terkecuali daripada mendapat tempas

daripada gaya penulisan baru ini. Malah hadis Nabi SAW yang merupakan sumber kedua utama Islam sepatutnya mengaplikasikan gaya penulisan tadi. Ini kerana perkara tersebut akan dapat membantu dalam memberi gambaran jelas tentang sesuatu hadis, memeliharanya malah memelihara agama Islam itu sendiri.

Banyak penulisan dalam bidang agama di zaman ini, terutama dalam penulisan ilmiah, telah mengambil berat terhadap cara penyataan takhrij hadis. Banyak institusi pengajian tinggi, terutamanya dalam bidang pengajian Islam telah mewajibkan agar semua penulisan ilmiah menyatakan sumber ambilan hadis. Malah kursus takhrij yang mengajarkan cara mencari dan mendokumentasikan maklumat hadis juga menjadi kursus yang mesti diambil oleh para pelajar bidang pengajian Islam.

Namun, oleh kerana tiada keseragaman dalam gaya penulisan takhrij serta terdapat pelbagai gaya pendokumenstasiannya, maka para penulis, terutamanya mahasiswa, sering berdepan dengan masalah dalam melakukan pendokumenstasian takhrij.

Antara punca ketidakeseragaman ini ialah kerana contoh gaya penulisan takhrij biasanya diikut daripada gaya penulisan takhrij yang dilihat daripada buku-buku berbahasa Arab. Ini memandangkan buku-buku berbahasa Arab adalah lebih rapat dengan sumber asal agama. Tetapi kerana tiada keseragaman dalam gaya penulisan takhrij dalam buku-buku berbahasa Arab, maka para penulis bukan Arab juga terikut dengan ketidakeseragaman tersebut.

Faktor lain yang menyebabkan perkara itu berlaku ialah kerana gaya penulisan takhrij seperti yang disebutkan tadi adalah masih baru, maka ia masih kurang meluas diketahui dan diamalkan disebabkan itu pengetahuan penulis atau penyelidik tentangnya masih kurang.

### Gaya Penulisan Takhrij

Sebenarnya terdapat beberapa gaya penulisan takhrij yang telah dipraktikkan dan disarankan oleh beberapa pihak. Antara gaya penulisan tersebut adalah takhrij

<sup>2</sup> Ibid. hlm 16.

secara ringkas, takhrij secara sederhana dan takhrij secara terperinci.<sup>3</sup>

### 1.1. Takhrij Secara Ringkas

Jika sesuatu penulisan itu menggunakan nota kaki, gaya penulisan takhrij secara ringkas ialah dengan menyatakan satu atau dua sumber bagi sesuatu hadis yang dipetik. Maklumat minima berkaitan hadis perlu dinyatakan. Terdapat gaya penulisan yang menyatakan nama popular penulis, nama buku, nombor jilid dan nombor muka surat dan terdapat gaya penulisan lain pula yang menyatakan nama lengkap penulis, nama buku dan nombor hadis sahaja iaitu tanpa menyatakan nombor jilid dan nombor muka surat serta kedudukan hadis itu.

Gaya takhrij ringkas ini mencukupi bagi penulisan yang bukan ilmiah atau penulisan ilmiah tetapi bukan dalam bidang pengajian Islam. Namun, sungguhpun ringkas, maklumat-maklumat minima tadi perlu dinyatakan bagi memudahkan diketahui sumber ambilan.

Kebiasaannya gaya ringkas ini menyediakan maklumat lengkap sumber rujukannya diletakkan di senarai rujukan di akhir sesuatu penulisan bagi memudahkan rujukan.

### 1.2. Takhrij Secara Sederhana

Gaya penulisan takhrij secara sederhana dalam nota kaki pula ialah takhrij yang memerlukan kepada pernyataan beberapa maklumat tambahan lain selain nama penulis dan nama buku, nama bab yang diambil (jika sesuatu hadis itu diambil daripada buku yang disusun menyikut bab), nama penerbit, tahun terbit, bilangan cetakan, nombor jilid dan nombor muka surat serta nombor hadis. Ia termasuk menyatakan sumber-sumber lain yang turut mempunyai hadis yang sama.

Maklumat-maklumat ini membantu memudahkan pembaca mengetahui atau merujuk kepada kedudukan hadis itu dalam sesuatu buku secara langsung dan tepat.

### 1.3. Takhrij Secara Terperinci

Gaya penulisan takhrij secara terperinci ialah takhrij yang mempunyai perbincangan secara mendalam

tentang sesuatu hadis. Tentang perbezaan yang terdapat padanya dengan hadis yang lain, sama ada dari sudut perawi, cara periwayatan atau lafaznya. Perbincangan seperti ini biasanya dilakukan bagi penulisan yang mengkhususkan perbincangan berkenaan suatu hadis tertentu dan bertujuan memberi gambaran yang lebih luas terhadap keadaannya.

Bagi penulisan bukan ilmiah atau penulisan ilmiah yang tidak bertujuan membincangkan sesuatu hadis secara khusus, gaya takhrij pertama dan kedua sesuai digunakan. Kerana matlamat takhrij bagi penulisan jenis ini ialah memudahkan pembaca mengetahui sumber hadis ambilan hadis agar tidak timbul keraguan. Justeru, maklumat yang dinyatakan sudah cukup memadai bagi tujuan tersebut.

### Penomboran Hadis

Berkaitan dengan pernyataan nombor hadis ketika mentakhrij; adakah memadai dengan menyatakan nombor hadis ketika mentakhrij atau masih perlu menyatakan maklumat-maklumat lain berkaitan hadis sepertimana yang disebutkan tadi?

Bagi menjawab persoalan ini, tujuan asal dalam menyatakan maklumat-maklumat lengkap tadi untuk memudahkan sesuatu hadis itu dirujuk. Ini kerana terkadang terdapat sesuatu hadis diulang dalam satu kitab pada beberapa tempat yang berbeza dan terdapat sedikit perbezaan di antaranya dengan hadis-hadis lain pada kitab yang sama. Maka pernyataan nama bab diperlukan bagi memudahkan carian tepat kepada hadis yang dimaksudkan.

Begitu juga terkadang suatu hadis terdapat dalam kitab hadis yang diterbitkan oleh penerbit yang berbeza atau oleh penerbit yang sama tetapi pada tahun berbeza. Perbezaan ini menyebabkan kedudukan jilid dan muka surat bagi hadis itu akan berubah. Maka terdapat keperluan dalam menyatakan nama penerbit, tahun terbit, bilangan cetakan, nombor jilid dan nombor muka surat bagi memudahkan carian.

Adapun tentang pernyataan nombor hadis ketika mentakhrij hadis, ia adalah suatu perkara yang baharu dalam ilmu takhrij. Kerana hadis-hadis dalam kitab-kitab Islam pada asalnya tidak bernombor. Iaitu ia dicetak tanpa nombor oleh para penerbit. Peletakan nombor hadis hanya bermula sekitar tahun 1930an

<sup>3</sup> Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abad'i, "Takhrij al-Hadith: Nasy'atuhu wa Manhajyyatuhu." Deoband: Itihad Book, (2004). hlm 63-64.

oleh beberapa orang penyelidik moden.<sup>4</sup> Selepas era tersebut, banyak penerbit yang mula menerbitkan kitab hadis dengan hadis-hadisnya dinomborkan. Namun, perkara ini tidak menjadi budaya yang meluas atau menjadi satu kemestian kerana masih terdapat banyak lagi kitab-kitab yang hadisnya belum dinomborkan. Antara kitab-kitab yang hadisnya telah dinomborkan ialah Sunan Sittah, Musnad Ahmad, Mu'jam al-Tabrani dan lain-lain lagi. Antara kitab yang hadisnya belum dinomborkan ialah seperti kitab Hilyah al-Awliya' oleh Abu Nu'aim al-Ashbahani.

Kitab-kitab yang hadisnya telah dinomborkan juga terdapat perbezaan pada penomboran yang diberikan. Punca perbezaan ini berlaku kerana para penerbit merujuk kepada penomboran yang dilakukan oleh para penyelidik tertentu dan tidak memilih penomboran yang dilakukan oleh penyelidik lain. Para penyelidik tersebut juga berbeza pandangan dalam menentukan nombor bagi sesuatu hadis. Faktor perkara ini berlaku ialah antaranya apabila terdapat beberapa hadis dalam satu topik yang sama, ada di kalangan penyelidik menganggap hadis-hadis tersebut adalah hadis yang berbeza dan ada bagi penyelidik lain pula, mereka menganggapnya sebagai hadis yang sama atas faktor ia dalam bab yang sama, maka mereka yang menganggap hadis-hadis tersebut adalah hadis yang berbeza meletakkan beberapa nombor bagi hadis-hadis tersebut. Manakala penyelidik yang menganggapnya sebagai hadis yang sama, mereka hanya meletakkan satu nombor sahaja bagi beberapa hadis tersebut. Kerana itu tidak terdapat keseragaman dalam penomboran hadis.

Sebenarnya takhrij hadis dengan menggunakan nombor hadis, jika diseragamkan, akan menjadikan takhrij lebih mudah dan lebih tepat untuk dirujuk berbanding berpandukan kepada maklumat takhrij lain, seperti nama bab, nombor jilid dan sebagainya. Ini kerana apabila sesuatu sumber hadis yang ingin dirujuk berpandukan kepada nombor hadis, kedudukan hadis dapat ditemui dengan lebih tepat. Namun jika sesuatu takhrij berpandukan kepada maklumat takhrij lain, berkemungkinan sumber yang ada pada pembaca ketika itu berlainan daripada sumber yang dirujuk atau dinyatakan oleh penulis. Atau ianya ada, tetapi sukar didapati. Maka maklumat-maklumat yang dinyatakan untuk dirujuk atau disahkan kurang berkesan. Berbanding dengan menggunakan nombor hadis. Walau pun berlainan penerbit, nama bab, nombor jilid, nombor muka surat atau tahun terbitan, nombor hadis akan tetap sama.

Malah dengan hanya menyatakan nama pengarang, nama buku dan nombor hadis ketika mentakhrij ia lebih mudah ditemui. Tetapi malangnya, oleh kerana tiada keseragaman dalam masalah penomboran ini maka tiada kesepakatan daripada para ulama dalam perkara ini. Lantaran itu, masih terdapat sesetengah penilai penulisan yang meminta para penulis agar menyatakan maklumat hadis dengan lengkap.

Namun begitu, terdapat beberapa penerbit buku yang mula menyatakan nombor hadis sahaja dalam mentakhrij hadis. Perkembangan ini dilihat sebagai suatu perkembangan yang positif berbanding dengan amalan mereka sebelum ini yang kurang mengambil berat tentang maklumat takhrij. Malah jika terdapat penyataan takhrij, ia tidak dapat membantu dalam mengetahui kedudukan sesuatu hadis.

### Takhrij dan ICT

Dari satu sudut lain, ketika kewujudan teknologi ICT yang telah mengubah banyak cara manusia berinteraksi dengan sumber maklumat dan banyak sumber maklumat telah didigitalkan seterusnya menjadikannya antara sumber maklumat penting bagi manusia hari ini. Antara ciri utama teknologi ICT ialah capaian kepada maklumat yang lebih pantas dan mudah.<sup>5</sup> Hadis Nabi SAW tidak terkecuali daripada mendapat tempias positif daripada teknologi tersebut. Banyak sumber rujukan hadis telah didigitalkan. Dengan teknologi tersebut, hadis Nabi SAW dapat dicari, dicapai dan dirujuk dengan lebih pantas. Namun oleh kerana teknologi ini terbuka untuk diuruskan oleh sesiapa serta tidak membataskan pengelolaannya kepada sesiapa, maka sumber hadis yang didapati daripadanya masih tidak dipersetujui untuk dijadikan sandaran takhrij. Ini kerana, dikhuatiri akan berlaku unsur sabotaj dalam sumber-sumber tersebut. Maka takhrij hadis daripada sumber digital masih belum disepakati penggunaannya sepenuhnya. Namun perkara itu tidaklah bermakna penggunaan ICT dalam pencarian hadis dan pengambilan daripadanya perlu ditolak sepenuhnya. Ini kerana masih terdapat beberapa sudut kebaikan dan kebenaran yang boleh dimanfaatkan daripadanya. Contohnya untuk menjadi bahan perbandingan.

Dalam teknologi digital, penggunaan nombor rujukan hadis adalah lebih sesuai berbanding dengan penyataan maklumat lain. Ini kerana,

<sup>4</sup> Mereka adalah seperti Mushtafa Dib al-Bungha, 'Muhammad Fuad Abd al-Baqi, Muhammad Mushtafa al-'Azami.

<sup>5</sup> Topu, Fatma Burcu, and Yuksel Goktas. "ICT Teachers' Assigned Roles and Expectations from Them." *Educational Sciences: Theory and Practice* 12, no. 1 (2012): 473-478.

maklumat penerbit biasanya tidak sana dan tidak semua orang akan menyatakan maklumat takhrij secara panjang di atas talian atas pelbagai faktor. Oleh kerana itu, merujuk kepada nombor adalah lebih mudah dengan ICT. Pakar-pakar dalam bidang hadis dicadangkan agar bersepakat dalam penomboran hadis bagi memudahkan orang ramai menggunakannya.

### Penyeragaman Istilah Takhrij

Perkataan/istilah yang digunakan ketika mentakhrij adalah satu lagi isu yang perlu diberi perhatian. Kerana terdapat pemilihan perkataan/istilah yang tidak seragam dalam gaya penulisan takhrij. Antara sebab ketidakseragaman ini ialah perubahan istilah yang digunakan dalam takhrij pada zaman ulamak klasik dengan istilah yang digunakan pada masa kini.

Pada masa dahulu kebanyakan takhrij menggunakan istilah 'riwayat' bagi takhrij daripada sumber asal. Istilah tersebut digunakan tanpa mengira siapa sahaja yang meriwayatkannya, sama ada dia seorang sahabat, perawi atau pengarang. Contohnya 'رواه ابن عباس' (diriwayatkan oleh Ibn 'Abbas), 'رواه سفیان بن عیینة' (diriwayatkan oleh Sufyan bin 'Uyaynah), dan 'رواه البخاري' (diriwayatkan oleh al-Bukhari).

Istilah riwayat adalah satu istilah yang pengertiannya berbentuk umum. Riwayat pada asalnya bererti memindahkan suatu percakapan.<sup>6</sup> Dalam ilmu hadis, ia bererti memindahkan suatu hadis daripada seorang perawi kepada perawi yang lain.<sup>7</sup> Istilah ini berbentuk umum kerana ia menggambarkan sesiapa sahaja yang memindahkan hadis dianggap meriwayatkan. Perkataan ini tidak salah untuk digunakan dalam mentakhrij. Ini kerana setiap orang yang memindahkan hadis termasuk pengarang kitab dikira orang yang memindahkan hadis iaitu kepada para pembaca.

Namun pada hari ini, perkataan yang digunakan untuk menunjukkan bahawa seorang pengarang itu memilih sesuatu hadis lalu dimuatkan ke dalam kitabnya ialah 'akhraja' (أخرج).<sup>8</sup> Perkataan ini berasal daripada perkataan خرج yang bererti 'mengeluarkan'. Perkataan ini menunjukkan seorang penyusun kitab hadis memilih hadis lalu dimuatkan

ke dalam kitabnya. Memuatkan ke dalam kitab dalam penggunaan Bahasa Arab dipanggil 'mengeluarkan'. Disebabkan itulah kini kebanyakan ilmuah Arab pada masa ini menggunakan istilah 'ikhraj' bagi menggambarkan proses pemilihan hadis dan memuatkannya ke dalam kitab. Penggunaan istilah ini dilihat lebih tepat berbanding istilah 'riwayat' kerana istilah 'riwayat' tidak menggambarkan seseorang pengarang itu memilih sesuatu hadis lalu memuatkannya ke dalam kitabnya.

Terdapat lagi satu perkataan yang hampir serupa maksudnya dengan perkataan 'akhraja' iaitu perkataan 'kharraja' (خَرَج). Perkataan 'kharraja' juga bererti mengeluarkan dan terdapat beberapa pandangan yang berpendapat bahawa kedua-duanya sama.<sup>9</sup> Terdapat sesetengah penulis yang menggunakan perkataan ini ketika mentakhrij kerana mengangap penggunaan kedua-duanya adalah sama. Ia adalah betul tetapi jika diperhatikan terdapat perbezaan penggunaan di antara kedua-duanya. Ini kerana perkataan 'akhraja' menggambarkan proses pemilihan hadis oleh pengarang untuk dimuatkan ke dalam kitabnya. Adapun perkataan 'kharraja' digunakan oleh orang yang bukan pengarang yang merekodkan serta menyenaraikan sumber-sumber takhrij.<sup>10</sup>

Namun begitu, dalam penggunaan dalam Bahasa Melayu, perkataan 'akhraja' atau 'mentakhrij' kurang difahami oleh pembaca Melayu kerana ia masih dalam istilah Bahasa Arab. Terdapat beberapa cadangan terjemahan kepada istilah ini yang dilakukan oleh beberapa pihak antaranya istilah 'dikeluarkan'. Maka contohnya 'Hadis ini dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam kitab Sahih al-Bukhari'. Namun, terdapat pihak lain yang mencadangkan agar perkataan 'direkodkan', 'dicatatkan' atau 'dinukilkan' digunakan dan ada pihak lain lagi yang masih mencadangkan agar perkataan 'diriwayatkan' digunakan.<sup>11</sup>

Walaupun perkataan 'dikeluarkan' merupakan terjemahan tepat bagi istilah takhrij, tetapi dari satu sudut, dilihat konotasinya berbeza dalam bahasa Melayu. Disebabkan konotasi yang berbeza serta penggunaan yang tidak biasa didengari, penggunaannya mungkin akan menyebabkan kekeliruan terhadap maksudnya yang sebenar.

<sup>6</sup> Abu Syuhbah, Muhammad Bin Muhammad. *al-Wasit fi Ulum Wa Mustalah al-Hadith*. Dar Al-Fikr Al-Arabi, (1983). hlm. 39

<sup>7</sup> Ibid.

<sup>8</sup> *Ma al-Farq Bayna al-Ikhraj wa al-Takhrij wa al-Istikhraj?* <http://www.3refe.com/vb/showthread.php?t=125828>, dirujuk pada 7/8/2018.

<sup>9</sup> Muhammad Mahmud Bakkar. *Ilm Takhrij al-Ahadith: Usuluhu, Taraiquhu, Manahijuhu*. Riyadh: Dar Taybah. 1997. hlm. 14.

<sup>10</sup> Ibid.

<sup>11</sup> Faisal Ahmad Shah. *Garis Panduan Sumber Rujukan & Hukum Hadith*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran & al-Hadith, 2017. hlm. 8.

Perkataan-perkataan seperti 'direkodkan', 'dicatatkan' atau 'dinukilkan' dilihat lebih difahami oleh orang ramai. Walaupun dari segi terjemahan, ia bukanlah terjemahan yang tepat. Para pakar dalam bidang hadis dicadangkan agar bersepakat ke atas perkataan yang sesuai untuk digunakan dalam Bahasa Melayu bagi tujuan takhrij agar para penulis dapat menyelaraskan penggunaannya dalam mentakhrij hadis.

Istilah yang digunakan bagi sumber yang bukan asal pula, terdapat pandangan yang mengatakan tidak harus menggunakan istilah 'akhraja'.<sup>12</sup> Untuk takhrij dalam Bahasa Arab, jika sumber sesuatu hadis itu bukan asal, perkataan yang disyorkan bagi digunakan ialah perkataan 'Aza' (عزا) yang bererti 'menisbahkan'.<sup>13</sup>

Terdapat juga penulis yang tidak menyatakan apa-apa perkataan yang menunjukkan kepada takhrij. Ini berkemungkinan kerana mereka beranggapan mendokumentasikan takhrij adalah sama dengan mendokumentasikan maklumat sumber ambilan yang lain.

### Gaya Penulisan dan Penyusunan Maklumat Takhrij

Selain isu-isu tadi, gaya penulisan maklumat takhrij dan penyusunannya juga terdapat beberapa perbezaan di kalangan para penulis. Perbezaan yang ketara ialah pada penggunaan singkatan perkataan atau simbol. Penyingkatan perkataan bertujuan meringkaskan tulisan dan menjimatkan ruang bagi perkataan yang sering berulang dalam satu penulisan.<sup>14</sup> Ia juga sudah menjadi budaya dalam dunia penulisan sejak dari dulu lagi.<sup>15</sup> Contoh perkataan yang disingkatkan ialah halaman-hlm, page-pg/p, جزء-ص-صفحة dan sebagainya. Singkatan bagi perkataan nombor pula adalah no.

Namun begitu, tiada kesepakatan terhadap singkatan bagi ayat 'nombor hadis'. Singkatan yang sepatutnya ialah no. hadis atau singkatan lain sesuai dengannya. Masalah ini juga berlaku dalam singkatan ayat tersebut dalam Bahasa Arab. Singkatan bagi

perkataan جزء-ص-صفحة, maka sepatutnya singkatan bagi رقم الحديث (nombor hadis) ialah ر.ح. atau singkatan lain yang dilihat sesuai. Tetapi tiada kesepakatan dalam perkara ini.

Terdapat pihak yang menggunakan symbol 'ح' yang menunjukkan bagi nombor hadis sepertimana yang digunakan oleh laman web <http://sunnah.alifta.net/>. Namun, tiada juga kesepakatan dalam singkatan ini. Malah ada pihak yang mencadangkan agar simbol # digunakan bagi ayat 'nombor hadis'. Jika tiada kesepakatan dalam gaya penulisan bagi ayat tersebut dicadangkan agar ayat 'nombor hadis' dikekalkan dan tidak disingkatkan seperti mana yang dilakukan oleh beberapa pihak termasuklah laman web Mawsu'ah al-Hadith di laman web [islamweb.net](http://islamweb.net).<sup>16</sup>

### Kesimpulan

Pendokumentasian takhrij dengan cara yang betul boleh membantu dalam mengetahui sumber sesuatu hadis dengan mudah. Perubahan gaya penulisan dalam pendokumentasian maklumat takhrij di zaman ini menyebabkan wujudnya kepelbagaian dalam gaya penulisan. Kepelbagaian ini menyebabkan berlaku ketidakseragaman serta menyebabkan kesukaran bagi para penulis untuk mengikuti gaya penulisan tertentu. Beberapa cadangan telah dikemukakan bagi penyesuaian gaya penulisan takhrij. Antaranya dengan menggunakan perkataan serta gaya tertentu dalam mentakhrij. Para pakar hadis dicadangkan agar bersepakat dalam menentukan gaya tertentu terutamanya nombor hadis serta membenarkannya digunapakai untuk menjadi sandaran utama dalam mentakhrij.

### Rujukan

A. Irwan Santeri Doll Kawaid et al. 2012. "Inovasi Dalam Pengajaran Hadis: Penggunaan Laman Web Islamweb.net dalam Pengkajian Sanad." Dalam *Sunnah: Inspirasi, inovasi dan transformasi*, diedit oleh

laman web ini adalah bahagian ensiklopedia hadis. Ia sebenarnya pada asalnya merupakan sebuah perisian yang bernama 'Jawami' al-Kalim'. Perisian ini telah dibangunkan oleh Syarikat Offok. Kemudian telah dibeli oleh pemegang wasiat seorang hartawan Arab lalu mereka mewakafkannya dan menyerahkannya kepada Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Qatar. A. A. Irwan Santeri Doll Kawaid et al. 2012. "Inovasi Dalam Pengajaran Hadis: Penggunaan Laman Web Islamweb.net dalam Pengkajian Sanad." Dalam *Sunnah: Inspirasi, inovasi dan transformasi*, diedit oleh Mohd Fauzi Mohd Amin et al. 7-24. Bangi. Darul Syakir, 2012.

<sup>12</sup> Ibid.

<sup>13</sup> Najm Abdulrahman Khalaf dan Sajedah Hilmi Samarah, *al-Wajiz fi 'Ilm al-Takhrij*, hlm. 43.

<sup>14</sup> Grange, Bob, and D. A. Bloom. "Acronyms, abbreviations and initialisms." *BJU international* 86, no. 1 (2000): 1-6.

<sup>15</sup> Ibid.

<sup>16</sup> Islamweb merupakan sebuah laman web pelbagai bahasa yang berkonsepkan dakwah Islam mengikut aliran *ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Laman web ini dinaungi oleh Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Qatar. Antara bahagian yang terdapat dalam

- oleh Mohd Fauzi Mohd Amin et al. 7-24.  
Bangi. Darul Syakir.
- Abu Syuhbah, Muhammad Bin Muhammad. 1983.  
"Al-Wasit Fi Ulum Wa Mustalah Al-Hadith." Dar Al-Fikr Al-Arabi,
- Faisal Ahmad Shah. 2017. Garis Panduan Sumber Rujukan & Hukum Hadith. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran & al-Hadith,
- Grange, Bob, and D. A. Bloom. 2000. "Acronyms, abbreviations and initialisms." *BJU international* 86, no. 1 1-6.
- Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abad'i. 2004.  
"Takhrij al-Hadith: Nasy'atuhu wa Manhajyyatuhu." Deoband: Ittihad Book,
- Najm Abdulrahman Khalaf dan Sajedah Hilmi Samarah. 2014. *al-Wajiz fi `Ilm al-Takhrij*, Darul Syakir Enterprise,
- Al-Tahhan, Mahmud. 1978. "Usul al-Takhrij wa Dirasah al-Asanid." *Beirut: Dar al-Qur" an al-Karim*.
- Topu, Fatma Burcu, and Yuksel Goktas. 2012. "ICT Teachers' Assigned Roles and Expectations from Them." *Educational Sciences: Theory and Practice* 12, no. 1. 473-478.
- Muhammad Mahmud Bakkar. 1997. "Ilm Takhrij al-Ahadith: Usuluhu, Taraiquhu, Manahijuhu." Riyadh: Dar Taybah.
- Ma al-Farq Bayna al-Ikhraj wa al-Takhrij wa al-Istikhraj?* <http://www.3refe.com>